

11/03/1997

Mandela mahu jual helikopter gempur

JOHANNESBURG, Isnin - Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, dijangka mengumumkan penjualan helikopter gempur jenis Rooivalk buatan negaranya kepada Malaysia sekembalinya beliau ke tanah airnya hari ini selepas mengadakan lawatan 10 hari ke Asia Tenggara.

Menurut laporan radio negara, perjanjian menjual helikopter canggih itu dipercayai ditandatangani minggu lalu ketika perbincangan Mandela dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, pengeluar helikopter itu, Denel berkata pihaknya tidak tahu mengenai perjanjian itu.

"Kami memasarkan helikopter itu di banyak negara termasuk Malaysia, tetapi kami tidak dimaklumkan mengenai sebarang perjanjian," kata pegawai Denel. - Reuter

(END)